



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
SURAT PEKELILING BIL. 3/2021

25 Ogos 2021

- Firma Perunding Ukur Bahan (CQSP) dan Firma Perunding Multi-Disiplin (MDP);
- Juruukur Bahan Consultant (CQS);
- Juruukur Bahan Professional (PQS);
- Juruukur Bahan Provisional (PVQS); dan
- Juruukur Bahan Technologist (QST).

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PROSEDUR BERKAITAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN TAHUN 2022
LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua firma perunding ukur bahan dan ahli-ahli berdaftar Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) mengenai pindaan terhadap keperluan pembaharuan pendaftaran tahun 2022. Pindaan-pindaan tersebut merupakan tindakan alternatif secara pentadbiran dalam melaksanakan langkah-langkah yang bertujuan untuk membantu firma perunding ukur bahan dan ahli berdaftar LJBM mengekalkan pendaftaran profesional mereka berikutan kekangan yang dihadapi oleh semua pihak dalam tempoh semasa dan pasca pandemik Covid-19.

2.0 TAFSIRAN

Bagi tujuan pekeling ini melainkan sekiranya konteksnya membawa maksud yang lain:

- (i) "Firma Perunding Ukur Bahan" dan "Firma Perunding Multi Disiplin" merupakan firma yang berdaftar dengan LJBM dan mempunyai permit pendaftaran yang sah.
- (ii) "Juruukur Bahan *Consultant*" merupakan individu yang berkelayakan dan berdaftar sebagai *Consultant Quantity Surveyor* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2015) dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah.

- (iii) “Juruukur Bahan *Professional*” merupakan individu yang berkelayakan dan berdaftar sebagai *Professional Quantity Surveyor* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2015) dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah.
- (iv) “Juruukur Bahan *Provisional*” merupakan individu yang berkelayakan dan berdaftar sebagai *Provisional Quantity Surveyor* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2015) dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah.
- (v) “Juruukur Bahan *Technologist*” merupakan individu yang berkelayakan dan berdaftar sebagai *Quantity Surveying Technologist* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2015) dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah.

3.0 LATAR BELAKANG

Berikutan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia sejak awal tahun 2020, LJBM telah mengambil maklum dan amat prihatin terhadap kesan serta norma-norma baharu yang perlu diadaptasi oleh penduduk seluruh dunia, khasnya oleh firma perunding ukur bahan dan ahli-ahli berdaftar LJBM dalam menghadapi cabaran getir dalam tempoh semasa dan pasca pandemik ini.

Sehubungan dengan itu, sebagai salah satu inisiatif prihatin bagi membantu firma perunding ukur bahan dan ahli-ahli berdaftar LJBM dalam menempuhi situasi ini, LJBM ingin memaklumkan ketetapan-ketetapan yang melibatkan keperluan berkaitan pembaharuan pendaftaran LJBM bagi tahun 2022.

Ketetapan-ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan 4(g) Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2015).

4.0 PINDAAN TERHADAP KETETAPAN KEPERLUAN PENDAFTARAN

Pindaan terhadap ketetapan keperluan pendaftaran melibatkan prosedur berikut :

4.1 Tempoh Pembaharuan Pendaftaran 2022

Permohonan pembaharuan pendaftaran 2022 hanya boleh diterima melalui sistem ReQSys dalam tempoh yang ditetapkan seperti berikut :

- (a) Tarikh Mula : 15 Oktober 2021
- (b) Tarikh Akhir : 31 Januari 2022

Nota : sila ambil maklum bahawa hanya permohonan lengkap dan berstatus ‘NEW’ akan diterima untuk proses kelulusan.

4.2 **Bayaran Pembaharuan Pendaftaran 2022**

Firma perunding ukur bahan dan ahli-ahli berdaftar boleh memilih kaedah bayaran seperti berikut :

(a) **Bayaran Penuh**

- Bayaran penuh adalah mengikut prosedur biasa pembaharuan pendaftaran tahunan LJBM.
- Sijil pembaharuan pendaftaran dan resit bayaran akan dikeluarkan setelah permohonan diluluskan.

(b) **Bayaran Secara Berjadual**

- Bayaran berjadual di dalam sistem ReQSys dengan memenuhi jadual pembayaran seperti berikut :

JADUAL 1			
Kategori	Bayaran pertama (sebelum 31.01.2022)	Bayaran kedua (sebelum 31.03.2022)	Bayaran ketiga (sebelum 30.06.2022)
Firma Juruukur Bahan Perunding	RM1,000.00	RM 500.00	RM 500.00
Juruukur Bahan Consultant	RM 200.00	RM 100.00	RM 100.00
Juruukur Bahan Professional	RM 150.00	RM 75.00	RM 75.00

JADUAL 2		
Kategori	Bayaran pertama (sebelum 31.01.2022)	Bayaran kedua (sebelum 31.06.2022)
Juruukur Bahan Provisional	RM 50.00	RM 50.00
Juruukur Bahan Technologist	RM 50.00	RM 50.00

- Kelulusan pendaftaran akan diproses mengikut prosedur biasa. Sijil pembaharuan pendaftaran dan resit bayaran hanya akan dikemukakan setelah kesemua bayaran diterima.
- Kelulusan pembaharuan pendaftaran akan ditarik semula sekiranya jadual bayaran tidak dipenuhi.

4.3 Keperluan Pengumpulan Mata CPD Tahun 2021

Keperluan pengumpulan mata CPD dalam tahun 2021 bagi tujuan pembaharuan pendaftaran 2022 adalah dikecualikan bagi semua kategori pendaftaran.

Sila rujuk Pekeliling LJBM Bil. 2/2021 berkaitan pengecualian ini.

5.0 PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN

Ketetapan-ketetapan di atas adalah berkuat kuasa dari tarikh Surat Pekeliling ini ditandatangani.

Sebarang pindaan dalam tempoh penguatkuasaan ini akan dimaklumkan secara rasmi dari semasa ke semasa.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. (ADJUNG) DATO' Sr AZIZ BIN ABDULLAH, CQS

Yang DiPertua

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

25 Ogos 2021